

**46,042 belum daftar pengundi di Terengganu
Utusan Online
08 Mac, 2012**

KUALA TERENGGANU 7 Mac - Masih terdapat 46,042 orang atau 7.1 peratus daripada 649,683 penduduk di negeri ini yang berusia 21 tahun ke atas belum berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Timbalan Pengarah SPR negeri, Azfaizan Ahmad Sarkawi berkata, jumlah itu berasaskan semakan November 2011 dan usaha terus dipergiatkan melalui pelbagai pendekatan agar dapat dikurangkan ke tahap paling minimum.

"Jumlah yang masih berbaki itu, ia tidak membimbangkan dan Terengganu merupakan negeri yang paling sedikit bilangan mereka yang tidak mendaftar sebagai pemilih," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Katanya, ia menggambarkan tahap kesedaran rakyat di negeri ini untuk mendaftar sebagai pemilih adalah tinggi bagi membolehkan mereka memilih calon dan kerajaan.

Beliau menarik perhatian, sepanjang tahun lalu, seramai 27,473 mendaftar sebagai pemilih baru menjadikan jumlah pemilih di negeri ini seramai 603,641 berbanding 576,168 orang pada tahun sebelumnya.

Jelasnya, sikap gemar melengah-lengahkan selain merasakan tidak penting untuk mengundi menjadi antara punca mereka belum mendaftar sebagai pemilih.

"Kita buka daftar pemilih ini sepanjang tahun dan tiada alasan untuk mereka nyatakan tiada masa dan sukar untuk mendaftar.

"Tambahan pula kita juga menyediakan kaunter pendaftaran di pasar raya, universiti dan tempat tumpuan awam," ujarinya.

Azfaizan berkata, orang ramai juga boleh mendaftar melalui Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) sementara yang dilantik oleh SPR bagi memudahkan orang ramai mendaftar di kawasan berdekatan mereka.

Katanya, pihaknya telah menggerakkan seramai 269 PPP di setiap daerah di seluruh negeri itu termasuk kalangan wakil parti, kakitangan kerajaan, wakil universiti serta badan bukan kerajaan.

Jelasnya, pendaftaran mereka akan dipantau SPR setiap bulan.

"Selain itu, orang ramai juga boleh mendaftar di semua cawangan pejabat pos yang mempunyai sistem berkomputer, namun hanya pendaftaran baru boleh dibuat manakala untuk menukar alamat mereka perlu ke pejabat SPR negeri," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0308&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm]